

(10 Jun 2021) Sinar Harian, p. 6

Kes baharu kembali melebihi 6,000

Turut merekodkan 75 kematian dan 15 kluster baharu

KUALA LUMPUR

Kes baharu positif Covid-19 di negara ini kembali melebihi angka 6,000 dalam tempoh 24 jam lalu, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurut beliau, sejumlah 6,239 kes baharu Covid-19 direkodkan sepanjang 24 jam lepas meningkat berbanding 5,566 kes pada Selasa.

Katanya, berikutan itu, jumlah kumulatif kes positif di Malaysia setakat ini ialah 633,891 kes.

"Selangor kekal mencatat kes harian tertinggi iaitu 2,291 kes diikuti Kuala Lumpur (704), Negeri Sembilan (507), Johor (468) dan Sarawak (419).

"Selain itu, Kelantan merekodkan 340 kes, Pahang dan Sabah masing-masing 232 kes, Labuan (200), Pulau Pinang (194), Perak (175), Terengganu (171), Melaka (150), Kedah (135), Putrajaya (17) manakala



DR NOOR HISHAM

Perlis empat kes," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 7,386 kes sembuh dicatatkan dengan kes aktif kini sebanyak 81,575, manakala 905 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU)

dengan 453 orang memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, sebanyak 75 kes kematian direkodkan melibatkan 23 kes di Selangor, 18 kes di Johor, tujuh di Kelantan, masing-masing lima kes di

Kuala Lumpur dan Kedah, masing-masing tiga kes di Sabah, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak, dua kes di Perak, serta masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Terengganu, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan sebanyak 15 kluster baharu dikesan dengan 13 daripadanya melibatkan penularan di tempat kerja dan masing-masing satu kluster membabitkan komuniti dan Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran (KPM).



MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

"Kluster tempat kerja direkodkan ialah Sungai Rasau 27, Perusahaan Dua Batu Caves, Industri Balakong Tujuh,

Camar Lapan dan Alam Jaya Dua di Selangor; Jalan Wisma dan Lot Sembilan, (Sabah); Kampung Huda (Kelantan) serta Industri Teluk Kalong di Terengganu.

"Selain itu, kluster tempat kerja turut melibatkan Lorong Perusahaan 8A (Pulau Pinang); Industri Medan Tasek, (Perak); Jalan Keluli Sembilan, (Johor) dan Dah Mengkudu, Kedah," kata beliau lagi. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
633,891	548,705	905	3,611	+6,239	3,790,121

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

9 Jun
6,239 kes

8 Jun
5,566 kes

7 Jun
5,271 kes

6 Jun
6,241 kes

5 Jun
7,452 kes

4 Jun
7,748 kes

3 Jun
8,209 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 627,652 kes kepada 633,891 kes

